

'Tak boleh layan Lynas seperti orang terbuang'

Tindakan boleh rencatkan usaha tarik pelabur asing ke Malaysia

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kilang nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) tidak boleh dilayan seperti orang terbuang dan digesa untuk menghentikan operasi serta keluar dari Malaysia, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tindakan sedemikian hanya memburukkan keadaan kerana ia bakal rencatkan usaha menarik pelaburan asing langsung ke Malaysia.

Selain itu, katanya, operasi Lynas memberi pelbagai manfaat kepada Malaysia, khususnya dalam meraih pelaburan besar menjangkau nilai RM1.7 bilion dan menyediakan 700 peluang pekerjaan berkualiti dan memperuntukkan gaji lumayan.

"Kita jemput mereka (Lynas) melabur di Malaysia, tetapi kemudian mendapati syarikat ter-

babit menghasilkan banyak bahan buangan, itu masalahnya.

"Jadi, kita hantar pakar untuk kenal pasti sama ada bahan buangan itu berbahaya atau sebaliknya.

"Pakar melaporkan ia (bahan buangan Lynas) tidak berbahaya, tetapi orang yang menentang operasi Lynas masih bertekad untuk menghapuskan syarikat berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pelancongan Dunia (WTC) 2019, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi; Timbalannya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik serta Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pelancongan Dunia, Zhu Shanzhong.

Dr Mahathir berkata, keputusan kerajaan menyambung lesen operasi Lynas tidak mempunyai sebarang kaitan dengan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Jepun.

"Ia tiada kaitan dengan Jepun atau hubungan rapat saya dengan Jepun," katanya mengulas laporan memetik Lynas memeterai pembaharuan pinjaman mudah bagi tempoh 10 tahun bersama Jepun, sekali gus memacu komitmen syarikat dari Australia itu dalam membekalkan hasil na-

"Pakar lapor ia (bahan buangan Lynas) tidak berbahaya, tetapi orang yang menentang operasi Lynas masih bertekad untuk menghapuskan syarikat berkenaan.

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*

dir bumi kepada Negara Matahari Terbit.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan ketika ini sedang mengkaji pertimbangan untuk menerbitkan pinjaman mudah 'bon Samurai' kali kedua dari Jepun, memandangkan kadar faedah diperuntukkan lebih rendah daripada sebelum ini.

Katanya, wang pinjaman mudah yang disifatkan sebagai sangat berguna kepada Malaysia itu boleh dimanfaatkan untuk pelbagai tujuan semasa.

"Jepun sedia memberi kita pin-

jaman mudah, lagi rendah daripada kadar sebelum ini, jadi kita sedang kaji bagaimana untuk menggunakan 'pinjaman murah' ini bagi menangani masalah kewangan negara," katanya.

Bernama pada Mac lalu melaporkan Malaysia sedia menimbang menerbitkan bon Samurai lain jika ia boleh memperoleh kadar sama dengan 0.63 peratus setahun seperti diperolehi dalam terbitan awal bon Samurai 200 bilion yen (RM8 bilion).

Bon Samurai ialah bon dalam denominasi yen yang diterbitkan di Tokyo dan tertakluk kepada peraturan Jepun.

Kerajaan berjaya menerbitkan Bon Samurai pertama pada Mac dengan lebih langgan 1.6 kali pada 324.7 bilion yen berbanding 200 bilion yen ditawarkan.

Bon itu dijamin Japan Bank for International Cooperation (JBIC) dengan tempoh matang 10 tahun dengan kos penuh kepada kerajaan pada 0.63 peratus setahun.

Keuntungan daripada terbitan bon itu akan digunakan untuk membiayai pembangunan infrastruktur, termasuk pembinaan sekolah, hospital, jalan dan utiliti.